



**[THE LEARNING CHALLENGES OF POST GRADUATE STUDENTS
OF ISLAMIC STUDIES IN MALAYSIA]
CABARAN PEMBELAJARAN PELAJAR LEPASAN
IJAZAH PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA**

Abdul Munir Ismail^{1*}
Norhisham Muhamad²

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

² Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Received Date: 18 December 2018 • Accepted Date: 12 May 2019

Abstract

Long-life learning among post-graduate students is a Government one of program to continuously improve the level of knowledge and skills to a higher level either Master's degree or Doctor of Philosophy at local universities. More the various problems faced by post-graduate students such as time management, family constraints, Arabic and English domination, financial difficulties and the fitness of the place of study. The objective of the study was to identify the various problems of post-graduate Islamic Studies students at the Masters and Doctorate levels. This study uses qualitative methods through semi structured interview methods. A total of respondents is four people each, 3 men and 1 woman was elected to represent selected public universities offering Islamic Studies courses. The research instrument contains the respondents' demographic elements, problems involving financial, family, time, suitability of the field of study and the ability to master Arabic and English. The results of the study were analyzed using descriptive method. The findings of this study found that financial problems, constraints in managing learning time were a problem during the postgraduate of Islamic Studies students. The study concludes that the problem is temporary and the students should try to find solutions to solve each problem.

Keywords: Long-life learning, problems, postgraduate of Islamic Studies, IPTA

Abstrak

Penulisan ini bertujuan untuk melihat cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar lepasan Ijazah Pengajian Islam di universiti awam bagi menyelesaikan pengajian peringkat *master* dan *PhD*. Terdapat masalah oleh pelajar pasca siswazah seperti masalah kewangan, pengurusan masa, kesesuaian bidang pengajian, penguasaan bahasa Arab dan Inggeris. Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti pelbagai masalah dan cabaran oleh pelajar siswazah Pengajian

Islam peringkat sarjana dan doktor falsafah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah temu bual separa berstruktur. Seramai tujuh orang responden dipilih mewakili universiti awam terpilih yang menawarkan kursus pengajian Islam. Instrumen kajian mengandungi elemen demografi responden, permasalahan semasa merangkumi kewangan, keluarga, masa, kesesuaian bidang pengajian dan kemampuan menguasai bahasa Arab dan Inggeris. Kajian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu dapatan dihuraikan secara mendalam terhadap sesuatu tema. Kajian menunjukkan pelajar siswazah Pengajian Islam di universiti awam menghadapi masalah kewangan dan dapat diatasi dengan cara pelajar bekerja sambil. Cabaran dalam pengurusan masa seperti melakukan aktiviti tidak berfaedah, menghabiskan masa dengan gajet, kurang disiplin dalam penulisan tesis dan terpengaruh dengan persekitaran adalah faktor penyumbang pelajar gagal menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Kesesuaian bidang pengajian bagi memenuhi keperluan negara didapati pelajar siswazah memilih bidang kajian yang sesuai dengan keperluan semasa. Adapun aspek penguasaan bahasa Arab dan Inggeris menunjukkan pelajar siswazah Pengajian Islam dapat menguasai kedua-dua bahasa tersebut dengan baik. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan pelajar siswazah Pengajian Islam menghadapi cabaran yang bersifat sementara dan para pelajar hendaklah berusaha mencari jalan keluar bagi menyelesaikan masing-masing masalah yang dihadapi.

Kata kunci: pendidikan, pendidikan, pendidikan, pendidikan, pendidikan

Cite as: Abdul Munir Ismail & Norhisham Muhamad. 2019. Cabaran pembelajaran pelajar lepasan ijazah pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20(2): 1-12.

PENDAHULUAN

Jika dirujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Akta Pendidikan (1996), telah dinyatakan dengan jelas “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani”. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, beriman, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Bagi mencapai negara Malaysia yang bertamadun dan maju dalam semua bidang, rakyat hendaklah berganding bahu bagi menyahut seruan kerajaan itu. Kerajaan kini membangunkan negara harus dibina berasaskan keupayaan rakyat memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Berdasarkan kenyataan ini Pembelajaran Sepanjang Hayat merupakan asas utama dalam pembangunan modal insan bagi melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang.

Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah membentangkan usul Rancangan Malaysia ke-10 pada 10 Jun 2010 di Dewan Rakyat, dengan mengambil kira Peningkatan Kompetensi Graduan kemampuan graduan dijadikan satu daripada KPI universiti. Penyediaan peruntukan kewangan kepada universiti lazimnya bergantung kepada kemampuan universiti mencapai KPI yang ditetapkan. Oleh yang demikian, universiti hendaklah berusaha bagi memenuhi keperluan tersebut melalui pelbagai kaedah. Di samping itu, Kerajaan memberi autonomi kepada universiti secara berperingkat bagi mengukuhkan peranan dan prestasi universiti masing-masing. Universiti hendaklah berusaha menambah jumlah staf akademik berkelulusan *PhD*, iaitu 75 peratus bagi Universiti Penyelidikan atau *Research University* dan

60 peratus bagi universiti awam lain. Bagi mencapai sasaran ini, pelaksanaan program MyBrain15, iaitu program pembiayaan pengajian di peringkat ijazah kedoktoran dengan matlamat kerajaan bagi meningkatkan jumlah pemegang *PhD* kepada 18,000 orang pada tahun 2015, akan dipergiatkan dari semasa ke semasa. Peluang ini merupakan suatu dorongan kepada para pelajar yang berminat menyambung pengajian mereka sehingga selesai.

Selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju dalam pelbagai aspek yang setanding dengan negara-negara maju lain, maka pendidikan sepanjang hayat adalah salah satu mekanisme untuk tujuan tersebut. Bidang pendidikan adalah asas kemajuan untuk mencapai taraf negara maju. Adalah tidak bermakna negara memiliki sumber ekonomi yang baik tetapi tidak disokong oleh sumber tenaga manusia yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Negara maju adalah diterajui oleh rakyat tempatan dan bukan bergantung kepada tenaga mahir yang diimport dari luar. Oleh itu, rakyat hendaklah berusaha untuk memenuhi negara maju menerusi pendidikan sepanjang hayat. Ini kerana pendidikan sepanjang hayat merupakan salah satu agenda yang sangat penting dalam menentukan hala tuju negara pada masa depan. Malah, Perdana Menteri, menyatakan pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012).

Hamizatun Akmal (2013), menjelaskan terdapat segelintir pelajar pasca siswazah yang tidak dapat menamatkan pengajian pada tempoh yang ditetapkan. Hal ini sedikit sebanyak menimbulkan keraguan dan permasalahan kepada individu dan juga kerajaan bagi mencapai matlamat negara maju. Pelajar pasca siswazah dewasa khususnya yang telah bekerja didapati mempunyai masalah dalam pembahagian masa, cara pembelajaran yang berkesan dan mendisiplinkan diri. Jika dihindai pernyataan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pernah menyatakan program pembelajaran sepanjang hayat adalah sebagai agenda Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan keupayaan modal insan negara secara berterusan. Ini kerana matlamat program Pendidikan Sepanjang Hayat bertujuan untuk meningkatkan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada 28 peratus kepada 35 peratus menjelang tahun 2020 (*Berita Harian* 2015). Oleh itu, bagi mencapai matlamat tersebut masyarakat hendaklah berusaha bersungguh-sungguh mencapai matlamat tersebut kerana peluang untuk meningkatkan pembelajaran tidak terbatas pada umur seseorang. Peluang untuk belajar diperingkat yang lebih tinggi Malaysia amat terbuka luas walau pun seseorang itu telah pun bekerja. Pembelajaran dan pengajaran (P&P) adalah suatu proses yang berterusan samada secara formal atau tidak formal di dalam kehidupan seharian. Menurut Robert M. Gagne (1970) pembelajaran adalah perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan.

Berdasarkan sumber *Berita Harian* bertarikh 14 Mei 2015, melaporkan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia menyarankan kepada para guru agar tidak harus berasa selesa dengan pencapaian masa kini, sebaliknya guru perlu bergerak ke hadapan dengan menguasai ilmu terkini supaya dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada masa depan murid. Kementerian amat menekankan konsep pembelajaran sepanjang hayat kepada guru yang mana ketika ini 80 peratus daripada 450,000 guru seluruh negara ketika memulakan kerjaya mereka dengan ijazah sarjana muda. Selepas berkhidmat beberapa tahun, kementerian menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi sama ada sarjana atau ijazah kedoktoran dan bersedia menghadapi cabaran sektor pendidikan abad ke-21. Pembelajaran sepanjang hayat adalah salah satu wadah bagi para guru menyahut seruan kementerian demi masa depan negara.

Selaras dengan matlamat Pendidikan berterusan, kini hampir kesemua Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia menubuhkan pusat atau unit tersendiri bagi menawarkan program PSH

kepada seluruh rakyat Malaysia yang berkelayakan. Mereka yang berkelayakan dan sedang berkhidmat di sektor kerajaan atau swasta adalah layak memohon. Antara universiti awam yang menyediakan program pendidikan berterusan ialah Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), Universiti Malaya melalui Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed), Universiti Sains Malaysia melalui Pusat Pengajian Pendidikan dan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Teknologi Malaysia melalui UTM Space, Universiti Institut Teknologi Malaysia melalui Institut Pendidikan Neo (iNED), Universiti Teknikal Malaysia Melaka melalui Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat dan banyak lagi. Ada universiti menawarkan pendidikan sepanjang hayat peringkat diploma, peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan peringkat doktor falsafah. PSH yang dilaksanakan oleh IPTA adalah melalui pendekatan pendidikan jarak jauh, pendidikan fleksibel, pengiktirafan pengalaman bekerja (*recognition of prior learning*) dan penawaran kursus pendek bagi peningkatan pengetahuan dan kemahiran diri. Ciri pelajar juga telah berubah dari segi umur yang semakin meningkat dan cara belajar pelbagai mod tanpa batasan masa dan tempat. Antara kumpulan sasaran utama PSH ialah golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberikan sumbangan kepada negara, menambah baik diri dan membina kemahiran (Mohd. Nasran 2016).

Bidang pengajian Islam adalah sebahagian daripada program pembelajaran berterusan yang ditawarkan tempat pengajian. Antaranya bidang syariah, usuluddin dan falsafah, pengajian Arab dan tamadun Islam, dakwah dan kepimpinan, pengajian al-Qur'an dan al-sunnah. Memberi penekanan pada kaedah pengajian syariah, pengajian usuluddin, tafsir, hadis, *maqasid al-shari'ah*, sejarah keilmuan dan intelektual Islam serta isu-isu semasa berkaitan akidah serta pemikiran Islam. Graduan pengajian Islam mempunyai peluang kerjaya yang luas di negara ini. Antara peluang kerjaya graduan pengajian Islam ialah dalam bidang akademik sesuai dilantik sebagai guru, tutor dan pensyarah disektor awam mahu pun swasta. Mereka juga boleh menceburi kerjaya dalam bidang penyelidikan, penyiaran, pendakwah, pegawai hal ehwal Islam, pegawai penerangan dan sebagainya. Adapun pembelajaran sepanjang hayat bermaksud aktiviti pelajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat khususnya kepada orang dewasa yang memiliki kelayakan akademik yang mencukupi. Mereka bercadang meneruskan pengajian terutamanya bidang pengajian Islam ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat sarjana dan doktor falsafah secara formal di universiti tempatan.

MASALAH KAJIAN

Pembelajaran berterusan memerlukan komitmen, pengurusan masa, persepsi negatif dari masyarakat dan kekangan kewangan yang tinggi kepada setiap pelajar. Jika dilihat dari aspek pengurusan masa terdapat isu yang sering ditimbulkan oleh pelajar iaitu masa bersama keluarga, masa untuk menyiapkan tugas di sekolah dan masa untuk menyiapkan tugas pengajian. Menurut Mohd Yusof Abdullah (2015), bekerja sambil belajar bukan satu perkara yang mudah. Cabarannya sangat besar kepada bakal pelajar yang sedang bekerja, dimana kerap kali pelajar kurang mendapat bimbingan daripada pakar motivasi yang mencukupi untuk mengharungi cabaran ini. Sementara itu, Rabiatal-Adawiah (2015) mengatakan pelajar lepasan ijazah pengajian islam di IPTA dilihat kurang pratikal membahagikan masa bekerja, belajar dan masa untuk bersama keluarga. Keadaan ini menyebabkan tempoh pengajian mereka terpaksa dilanjutkan oleh university sehingga selesai.

Menurut M.H. Abdul Halim et al. (2011), masalah kemampuan dan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar diperingkat universiti membimbangkan. Kenyataan ini disokong oleh A. Abdul Latif dan A. Abu Hanifah (2010), bahawa tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG kemahiran hidup di Universiti Teknologi Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan para pendidik. Sementara itu, Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh

(2014) disokong oleh Ab. Halim Mohamad (2009) bahawa kemampuan menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan ijazah pengajian Islam sering dibincangkan oleh pensyarah universiti masa kini. Ini kerana kebanyakan sumber rujukan pengajian Islam adalah ditulis dalam bahasa Arab sebagai rujukan utama. Satu kajian oleh Jabatan Pengajian Tinggi (2010) mendapati pelajar lepasan Ijazah Pengajian Islam dalam menguasai serta merujuk kepada kitab Turath sebagai asas mencapai tahap ilmunan Islam iaitu amat lemah 3.32. Situasi ini sangat tidak baik dalam konteks disiplin pembelajaran dan ketamadunan ilmu khususnya di Malaysia. Menurut Muhammad Daud (2009), kemahiran pelajar menguasai bahasa Arab dan Inggeris pula boleh mengangkat graduan ke peringkat antarabangsa. Oleh itu kedua-dua bahasa tersebut amat penting dikuasai oleh graduan lepasan Pengajian Islam diperingkat sarjana dan *PhD*.

OBJEKTIF

Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pelajar sarjana dan doktor falsafah bidang pengajian Islam di universiti tempatan. Cabaran dilihat dari aspek masalah kewangan, pengurusan masa, kesesuaian bidang dan penguasaan bahasa Arab dan Inggeris.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini dipilih adalah berdasarkan kaedah kualitatif. Cara ini dilihat sesuai untuk pengkaji mendapatkan maklumat kajian secara mendalam dan berfokus. Sampel kajian dipilih berdasarkan umur melebihi 25 tahun ke atas dan merupakan pelajar lepasan ijazah iaitu ijazah sarjana yang terdiri daripada beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam. Dalam kajian ini responden terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi Malaysia, pelajar Universiti Sains Malaysia, pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin dan pelajar Universiti Utara Malaysia.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur bagi mendapatkan maklumat secara khusus dan mengetahui gambaran sebenar tentang masalah kewangan, penyesuaian bidang atau kursus yang diambil dan kemahiran bahasa yang dihadapi oleh pelajar pengajian Islam lepasan ijazah sarjana muda. Responden dipilih terdiri daripada pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda dan sedang mengambil ijazah sarjana dan *PhD*. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai tujuh orang. Proses temu bual dilakukan ketika responden tiada waktu sesi pembelajaran dan responden bersedia untuk ditemubual. Tata cara mendapatkan responden, pengkaji akan menghubungi Pejabat Pengajian Siswazah universiti dan mereka akan menghubungi responden terpilih yang terdiri daripada pelajar lelaki dan wanita yang berada di semester dua ke atas.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah analisis data dengan menggabungkan maklumat / data kajian perpustakaan dan data kajian lapangan yang diperoleh menerusi temu bual. Responden temubual ditandakan sebagai R1 hingga R7 dalam huraian perbincangan. Semua responden bersetuju agar nama mereka dirahsiakan dalam penulisan hasil kajian. Dengan menggunakan metode-metode yang dipilih tersebut, pengkaji memperoleh hasil kajian yang tepat seperti mana yang diharapkan. Kaedah analisis data dalam kajian ini menggunakan metode deduktif iaitu menghuraikan maklumat dalam bentuk umum dan menyeluruh supaya menjawab objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Bagi menjawab objektif yang dinyatakan di atas, penyelidik menemubual responden terpilih berkaitan masalah yang dihadapi oleh pelajar pasca siswazah menggunakan kaedah temu bual. Berdasarkan temu

bual dengan Responden 1, daripada Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor seorang pelajar lelaki berusia 28 tahun, status responden belum berkahwin, sedang mengikuti pengajian peringkat *master* Semester 4. Ketika ditanya tentang masalah kewangan Responden 1 menyatakan sebagai berikut,

Sebagai seorang pelajar, memang tidak dinafikan bahawa kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar seperti saya. Masa kini saya belajar sambil bekerja. Saya bekerja sebagai wakil jualan di Syarikat Takaful Malaysia. Saya perlu bertemu pelanggan yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur manusia bagi memberi penerangan tentang kelebihan mendapatkan pelbagai perlindungan insuran. Walaupun saya belum berumahtangga, saya bercadang untuk berkahwin dalam tempoh setahun dari sekarang.

Sementara itu, seorang Responden 2 yang ditemu bual Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pelajar lelaki berusia 32 tahun, status sudah berkahwin, sedang mengikuti program pengajian master di Semester 4. Bekerja di Pusat Islam, USM. Beliau menjelaskan sebagai berikut,

Saya perlu membahagikan pendapatan gaji membiayai untuk kos sara hidup kedua ibu bapa, menabung untuk membiayai yuran pengajian master berikut dan juga menabung untuk pendidikan anak-anak di masa depan. Kos penghidupan di Bandaraya Pulau Pinang ini sangat mahal. Oleh itu, saya perlu menyiapkan tesis dengan secepat mungkin seperti yang diprogramkan oleh pihak Akademik.

Berdasarkan temubual dengan Responden 3 daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UNIZA Kampus Gong Badak, Terengganu, seorang pelajar wanita berusia 24 tahun, status belum berkahwin, sedang mengikuti pengajian peringkat master semester 2. Responden 3 diminta pandangan mengenai masalah penggunaan masa semasa pembelajaran, beliau menyatakan sebagai berikut,

Pengurusan masa amat penting bagi seorang pelajar. Mereka yang gagal mengurus masa dengan baik dan berkesan biasanya mendapat kesan negatif dalam menyiapkan pembelajaran di peringkat *master* atau *PhD*. Dalam hal ini saya akan memastikan setiap hari satu buku berkaitan kajian tesis akan saya baca. Maksudnya saya baca buku setiap hari dua hingga tiga jam sehari. Jadual pembelajaran saya tidak menentu. Ada ketikanya saya membaca di waktu pagi selepas solat subuh. Saya kurang membaca pada waktu malam.

Berdasarkan temu bual dengan Responden 4 daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UNIZA Kampus Gong Badak, Terengganu, seorang pelajar wanita berusia 33 tahun, status belum berkahwin, sedang mengikuti pengajian peringkat master Syariah Semester 6. Beliau mengatakan pandangan berkaitan penggunaan masa bagi menyiapkan tesis sebagai berikut,

Saya tidak mempunyai jadual waktu membaca yang tetap tetapi bergantung kepada minat dan keperluan semasa. Selepas membaca sejumlah jurnal atau buku yang diperolehi melalui layaran internet dan buku, saya akan menaip semula maklumat tersebut ke komputer riba. Bagi menyiapkan sesuatu sub topik bab, draf yang masih mentah tersebut akan dibaiki/ditambah dari semasa ke semasa. Dalam tempoh seminggu satu hingga tiga sub topik kecil boleh saya siapkan. Bila sudah siap satu topik kecil, saya akan bertemu dengan penyelia yang lazimnya dilakukan dua minggu sekali pertemuan bersemuka. Sekurang-kurangnya pertemuan bersemuka adalah sebulan sekali. Dalam tempoh dua semester (setahun), saya mampu menyiapkan bab proposal

dan bab dua (konsep dan teori). Saya cuba mematuhi timeframe yang disyorkan oleh pihak Pusat Pengurusan Siswazah agar saya dapat menyelesaikan pengajian master dengan segera.

Berdasarkan temubual dengan Responden 5 daripada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pelajar lelaki berusia 35 tahun, status sudah berkahwin, sedang mengikuti program pengajian *PhD* di Semester 7. Berkaitan isu kesesuaian bidang pengajian bagi memenuhi keperluan semasa negara, Responden 5 menyatakan pandangan sebagai berikut,

Sekarang saya berada di tahun akhir iaitu Semester 7. Bidang pengkajian saya ialah *fiqh* semasa amalan mengerjakan haji di Makkah al-Mukarramah. Saya bukan mengkaji tentang hukum semasa berkaitan haji dan umrah tetapi mengkaji tip-tip yang sesuai, mudah dan praktikal dilaksanakan oleh jemaah haji Malaysia. Kebanyakan jemaah haji masih terikat dengan budaya orang terdahulu. Sebagai contoh penggunaan selipar yang sesuai, kaedah membersihkan air kencing bagi mereka yang tidak tos, pemakaian kain ihram dan sebagainya. Kajian saya cuba mencari kaedah yang paling sesuai dan praktikal berbanding amalan jemaah haji sekarang dalam menyempurnakan rukun dan syarat sah haji. Hal ini bersesuaian dengan langkah Tabung Haji Malaysia melaksanakan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan setiap tahun.

Berdasarkan temu bual dengan Responden 6 daripada Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah seorang pelajar lelaki berusia 35 tahun, status sudah berkahwin, program pengajian peringkat *PhD* Semester 5. Responden 6 diminta pandangan mengenai kemampuan pelajar pasca siswazah menguasai bahasa Arab dan Inggeris, beliau menyatakan sebagai berikut,

Saya berpandangan bahawa pelajar siswazah peringkat *master* dan *PhD*, bidang pengajian Islam hendaklah menguasai bahasa Arab dan bahasa Inggeris dengan baik. Ini kerana kebanyakan bahan rujukan utama menggunakan bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Bukan sahaja pelajar boleh membaca dan memahami kedua-dua bahasa tersebut dengan baik, tetapi juga pelajar hendaklah mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Arab atau bahasa Inggeris dengan baik. Sebagai pelajar *PhD*, saya menguasai bahasa Inggeris dalam bentuk pemahaman, penulisan dan komunikasi. Sementara bahasa Arab pula saya boleh menguasai pada tahap sederhana. Ini kerana saya sering berkomunikasi dengan pelajar antarabangsa seperti dari negara Iran, Libya dan Mesir menggunakan bahasa Arab *fushah*.

Berdasarkan temu bual dengan Responden 7 daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA Kampus Gong Badak, Terengganu seorang pelajar lelaki berusia 52 tahun, status sudah berkahwin, bekerja sendiri sebagai usahawan. Kini pengajian peringkat *PhD* semester 6. Responden 7 diminta memberi pandangan berkaitan kemampuan pelajar pasca siswazah menguasai bahasa Arab dan Inggeris, beliau menyatakan sebagai berikut,

Saya boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik. Berdasarkan pengalaman dahulu saya terlibat dalam perniagaan luar negara. Sementara penguasaan bahasa Arab pula, berada pada tahap sederhana. Untuk meningkatkan kemahiran, saya cuba berkomunikasi dengan pelajar asing khususnya daripada negara Arab seperti Yaman, Mesir dan Maghribi. Pelajar tersebut berminat mempelajari bahasa tempatan dan saya menggunakan kesempatan tersebut mendalami bahasa Arab *fushah*.

PERBINCANGAN

Jika dilihat secara mendalam terhadap maklumbalas daripada empat orang responden di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat beberapa kategori yang berkaitan pembelajaran berterusan dalam kalangan pelajar siswazah pengajian Islam di Universiti Awam. Masalah tersebut ialah berkaitan kewangan, penggunaan masa semasa pembelajaran, kesesuaian bidang pengajian dengan keperluan semasa dan kemampuan pelajar pasca siswazah menguasai bahasa Arab dan Inggeris. Bagi memudahkan perbincangan, pengkaji akan membincangkan berdasarkan sub topik seperti berikut,

Masalah Kewangan (R1 & R2)

Kewangan adalah sangat penting dalam semua urusan hidup manusia. Ini termasuklah dalam proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat. Untuk mencapai sesuatu matlamat, misalnya pelajar master boleh menyelesaikan pengajian dalam tempoh waktu yang ditetapkan, kewangan adalah salah satu faktor yang penting dalam menyelesaikan kuliah. Aisyah dan Wajeeha (2016) menjelaskan bahawa semua pelajar lelaki atau wanita mempunyai keperluan yang sama dalam urusan kewangan. Bekerja sambil belajar adalah merupakan salah satu jalan penyelesaian terhadap pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Sikap memilih pekerjaan oleh para pelajar boleh menyebabkan mereka terus dihipit oleh kekangan menyelesaikan kuliah. Menurut Fidlizan (2015), mereka yang mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang sempurna biasanya merancang masa depan dengan lebih baik berbanding orang yang tidak mempunyai ilmu mengurus kewangan. Ini menyebabkan mereka menghadapi pelbagai masalah kewangan seperti berhutang untuk membeli kenderaan, menanggung kos sara hidup ahli keluarga dan sebagainya.

Selaras dengan pandangan Che Rugayah (2001) bahawa pelajar harus bijak mencari sumber pendapatan dan bijak mengurus perbelanjaan harian supaya pengajian di universiti dapat diselesaikan dan kewangan seharian tidak terjejas. Di samping itu, jika ada pelajar yang menghadapi masalah kewangan, mereka hendaklah membuang sikap rasa rendah diri dengan mengadu kepada pihak Hal Ehwal Pelajar di sesebuah universiti kerana universiti biasanya menyediakan ruang konsultasi pekerjaan kepada pelajar yang menghadapi kesulitan kewangan. Misalnya pelajar ditawarkan bekerja sebagai pembantu jualan di kafe universiti, sebagai pembantu penyelidik dan sebagainya. Pelajar juga boleh bekerja secara berdikari seperti berniaga secara online, mengambil upah mencuci rumah orang, mengadakan kelas tuition dari rumah ke rumah, mengajar anak-anak mengaji al-Qur'an, mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan dan sebagainya (lihat juga *Astro Awani* 2016). Mereka yang beranggapan bahawa kewangan merupakan halangan untuk mencapai kejayaan dalam akademik adalah suatu persepsi yang kurang tepat. Sebaliknya sikap dan kemahuan yang tinggi merupakan kunci kejayaan bagi seseorang itu menyelesaikan masalah kewangan dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Penggunaan masa (R3 & R4)

Masa adalah sangat penting dalam kehidupan manusia sejagat. Penggunaan masa yang bijak oleh pelajar universiti adalah mempengaruhi cara mereka belajar. Mereka perlu mengurus masa belajar dengan bijak kerana kaedah pembelajaran seseorang pelajar lepasan ijazah berbeza antara satu dengan orang lain. Penggunaan masa dan perancangan yang maksimal dapat menentukan kejayaan seseorang dalam kehidupan. Allah SWT telah menukulkan kepentingan masa kepada manusia seperti yang dijelaskan dalam Surah al-‘Asr, ayat 1 hingga 3 yang bermaksud, “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.”

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa semua manusia mempunyai waktu yang digunakan memenuhi ruang hidup masing-masing. Mereka berada dalam kerugian iaitu dilalaikan dengan kehidupan dunia. Kecuali golongan orang beriman dan melakukan kebaikan kepada Allah SWT dan saling berpesan dengan mesej kebenaran serta bersikap sabar. Cabaran sebagai pelajar pada peringkat ijazah lanjutan adalah tinggi. Antaranya ialah dari aspek pengurusan masa. Menurut Nadhirah Aznan (2014), terdapat dalam kalangan pelajar siswazah yang melakukan aktiviti tidak berfaedah, banyak menghabiskan masa dengan gajet, kurang disiplin dalam membaca buku dan terpengaruh dengan persekitaran adalah faktor penyumbang pelajar gagal mencapai akademi cemerlang. Kenyataan ini selaras dengan Baharin (2006), menjelaskan gaya hidup cemerlang pelajar adalah bermula dengan pengurusan masa yang berkesan. Mereka yang cemerlang dalam pelajaran memiliki tahap disiplin yang konsisten dalam aktiviti harian. Kesan dari amalan murni tersebut melazimkan pelajar disiplin dalam penulisan tesis. Dalam hal ini pelajar siswazah mampu menggarap penulisan bab proposal atau bab konsep dan teori dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Terdapat juga pelajar yang menggarap tesis pada waktu malam dan juga pada hari tidak bekerja seperti hari Sabtu dan Ahad bagi menyiapkan tesis secepat mungkin. Ini termasuklah mendapatkan buku rujukan dan kajian lapangan.

Merujuk kepada pandangan R3 dan R4 dalam penulisan tesis, mereka tidak mempunyai jadual harian khusus yang lazim dilakukan oleh kebanyakan orang, namun beliau dapat menyiapkan bab proposal dan bab dua mengikut jadual akademik. Di samping itu, responden juga dilihat memiliki minat yang mendalam terhadap bidang yang dikaji amat penting sebagai pelajar pengajian siswazah. Selain amalan bersemuka dengan pensyarah penyelia tesis adalah faktor kejayaan pencapaian akademik. Penyelia yang dilantik akan membimbing para pelajarnya memenuhi keperluan sesuatu kajian tesis. Pelajar siswazah perlu memiliki jati diri yang kukuh serta tidak terpengaruh dengan kawan-kawan yang sering mengajak ke arah aktiviti hiburan. Pandangan ini disokong oleh Hanani Izzah Abdul Ghani (2007), bahawa pelajar yang kurang aktif dalam aspek penyeliaan bersama penyelia biasanya menghadapi masalah terhadap persembahan dapatan kajian, gaya bahasa dan kualiti penulisan tesis.

Kesesuaian Bidang Pengajian bagi Memenuhi Keperluan Semasa Negara (R5)

Berdasarkan pengamatan awal pengkaji terhadap pelajar siswazah pengajian Islam di universiti awam memilih bidang kajian yang sesuai dengan keperluan semasa. Maklum balas dari R3 mendapati kajian amalan *fiqh* semasa oleh jemaah haji dan umrah adalah sangat relevan dengan kajian yang sedang dikajinya. Beliau menjelaskan hukum hakam tentang amalan haji dan umrah yang terkandung dalam banyak buku dan kitab *fiqh* oleh para ulama sudah mencukupi perbincangannya. Tetapi hukum hakam tersebut berubah menurut perkembangan semasa. Sebagai contoh penggunaan *bag kolostomi* kerana sakit, keperluan orang yang berwuduk *daimul hadath*, penggunaan alat *catheter condom urine* bagi lelaki yang disarung kepada alat kemaluan dan sebagainya (Rujuk Muzakarah Haji ke-32 Peringkat Kebangsaan tahun 2015). Hasil kajian ilmiah ini dapat dirujuk oleh umat Islam khususnya di Malaysia sebagai suatu dapatan kajian yang relevan semasa. Kemahiran menjana, menganalisis dan merumuskan bidang haji dan umrah oleh siswazah pengajian Islam di Malaysia adalah suatu pencapaian baharu yang perlu diberi perhatian khusus dalam industri pelancongan haji dan umrah kini. Ini kerana bidang pengajian Islam agak kurang diceburi oleh masyarakat berbanding bidang-bidang lain seperti sains, kimia, perladangan, pertanian, ICT, computer, biotech dan sebagainya.

Kemampuan Pelajar Menguasai Bahasa Arab dan Inggeris (R6 & R7)

Tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan bahasa Arab diperingkat antarabangsa adalah sangat penting selain bahasa Inggeris. Bahasa Arab dipertuturkan oleh bangsa Arab yang mempunyai pelbagai dialek

mempunyai nilai bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar siswazah pengajian Islam. Mohamad Azrien (2009) menjelaskan bahawa bahasa Arab adalah bahasa al-Qur'an yang mempunyai kesusasteraan yang sangat tinggi berbanding bahasa-bahasa lain. Secara tidak langsung orang Islam yang mendalami bahasa Arab dapat memudahkan mereka memahami bahasa al-Qur'an yang penuh dengan nilai kesusasteraan Arab yang unit. Di samping itu ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan hadis adalah ditulis dalam bahasa asal iaitu bahasa Arab merupakan bahasa ilmu. Oleh yang demikian, bahasa Arab amat dominan sebagai bahasa rujukan seluruh umat Islam termasuk sebagai bahasa yang banyak dipertuturkan oleh sebahagian besar di negara timur tengah. Bahasa Arab merupakan satu anugerah Allah SWT diberikan kepada bangsa Arab dan mereka yang cintakan ilmu-ilmu Islam. Jika dilihat kepada dasar kebanyakan universiti, hasil pembelajaran pasca siswazah peringkat *master* dan *PhD* ialah memperkasakan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat melalui kapasiti akademik dan profesional.

Demikian juga dengan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar pasca siswazah pengajian Islam, mereka hendaklah memahami dengan baik dan lancar. Mohd Hasimi (2017) mengatakan pelajar pasca siswazah yang memiliki kemahiran berkomunikasi bahasa Inggeris merupakan suatu kelebihan pelajar tersebut. Mohamad Hazrul (2012) menjelaskan bahawa mereka perlu mengikis sikap malu menggunakan bahasa Inggeris dalam perbualan harian kerana sikap ini merugikan diri sendiri. Jika tidak diatasi peringkat awal, ia memberi kesan negatif terhadap peluang memohon pekerjaan, menjejaskan peluang naik pangkat. Sudah tentunya majikan tidak berminat terhadap pekerja yang lemah dalam komunikasi bahasa Inggeris. Menurut Kadir dan Nor (2015), pengaruh bahasa ibunda yang kuat dikalangan pelajar pasca siswazah menyebabkan bahasa Inggeris kurang diberi perhatian. Oleh yang demikian, pihak universiti perlu merangka kursus pemantapan bahasa Inggeris dengan memberi keutamaan kepada pelajar pasca siswazah pengajian Islam. Menurut Mohd Hasimi (2017), graduan yang dihasilkan dapat menguasai kompetensi bahasa Inggeris yang mantap. Menurut Abdul Halim (2009), masa kini tahap penggunaan bahasa Arab yang telah dipelajari peringkat sekolah menengah agama di Malaysia setanding dengan pencapaian bahasa Inggeris. Ketika pelajar memasuki Institusi pengajian Tinggi, mereka dapat menguasai bahasa Arab termasuk dalam komunikasi dengan baik ketika dalam atau luar kelas. Banyak faktor yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran oleh pelajar pasca siswazah pengajian Islam dilihat menghadapi masalah kewangan. Namun masalah tersebut boleh diatasi melalui pelbagai cara. Antaranya menjalankan perniagaan kecil-kecilan, mengambil upah atau mendapatkan pinjaman kewangan dari institusi kewangan. Pelajar perlu mengurus masa pembelajaran dengan baik dan pada waktu yang sama kebajikan ahli keluarga suami, isteri, anak-anak serta kedua ibu bapa tidak boleh diabaikan. Pelajar harus bijak memilih tajuk kajian yang menghasilkan suatu dapatan yang relevan masa kini. Kajian juga boleh menyumbang sesuatu yang berguna untuk masyarakat dan negara. Pelajar siswazah sewajarnya menguasai dua bahasa utama iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris dengan baik. Tanpa menguasai kedua bahasa tersebut termasuk bahasa ibunda, graduan yang dilahirkan kurang berkualiti. Masyarakat mengharapkan mereka sebagai pemegang ijazah *master* dan *PhD* berkemampuan komunikasi dalam bahasa Arab dan Inggeris dengan baik.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada pembiaya geran kajian ini iaitu RIMC, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana telah membiayai Geran Khas Penyelidikan Pendidikan no. geran 2017-0313-107-01, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar bachelar bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan dalam Pengajian Islam ke-4*, hlm. 1-13.
- Ab. Halim Mohamad. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1): 1-14.
- Abdul Halim, M.H., Hidzir, F.H., Woon, N.S. & Marriappen, G.K. 2011. Kajian maklumbalas mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam peperiksaan akhir di kalangan pelajar diploma akauntasi semester. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011*, hlm. 335-351.
- Abdul Latif, A. & Abu Hanifah, A. 2010. Penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG kemahiran hidup Universiti Teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. <http://eprints.utm.my/10799/>.
- Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifly. 2016. Faktor penentu pengurusan kewangan: Kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2): 85-94.
- Akta Pendidikan. 1996. *Akta 550, Peraturan-peraturan & Kaedah-kaedah Terpilih*. Kuala Lumpur: Internasional Law Book Services.
- Mesir, B., Mohd. Yatim, J., Abd. Aziz, A. & Jamal, M.H. (2006). Gaya hidup pelajar cemerlang dalam persekitaran kampus. *Prosiding National Student Development Conference (NASDEC) 2006*, hlm. 1-8.
- Berita Harian*. 2015. Guru rebut peluang meningkatkan ilmu menerusi pendidikan sepanjang hayat. *Berita Harian*. 14 Mei.
- Che Rugayah Che Ismail. 2001. Pengurusan kewangan pelajar: Satu tinjauan awal kepada keperluan kaunseling kewangan. Tesis Sarjana. Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Fatimah Salwa Abdul Hadi. 2015. Kehidupan kelas menengah Malaysia: Satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan aset dan pelaburan kewangan. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(11): 1-13.
- Hamizatun Akmal Md Yusof & Norzaini Azman. 2013. Perkaitan antara pengurusan masa dan stres dalam kalangan pelajar siswazah di IPTA. *Jurnal AJTLHE* 5(1): 1-11.
- Hanani Izzah Abdul Ghani. 2007. Penilaian penyeliaan penyelidikan pelajar pasca ijazah. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2001. *Pengurusan Ekonomi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. t.th. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2012. *My3L Direktori Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2012/2013*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- Linamalini Mat Nafi & Kamarul Shukri Mat Teh. 2014. Kepelbagaian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. *The Online Journal of Islamic Education* Special Issue: 1-8.
- Maharam Mamat. 2016. Penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tahun satu di UKM. *Issues in Language Studies* 5(2): 28-42.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Mohd Alwee Yusoff. 2009. Motivasi, pembelajaran pengaturan sendiri dan prestasi akademik: Satu kajian di kalangan pelajar asasi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri. *Journal of al-Tamaddun* 4: 1-16.
- Mohamad Hazrul Ismail. 2012. Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Perkem VII*, hlm. 906-913.
- Mohd Hasimi Yaacob, Mohd Helmi Ali & Nurhidayani Abd Wahab. 2017. Hubungan penguasaan bahasa Inggeris dengan tahap keberkesanan kemahiran insaniah pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar* 20: 67-77.
- Mohd. Nasran Abd Halim, Mohd. Isa Hamzah & Zolkepli Haron. 2016. *Pendekatan Fleksibel dalam Pengajaran dan Pembelajaran bagi Menggalakkan Pendidikan Sepanjang Hayat di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Daud. 2009. al-Akhta' al-lughawi lada al-darisin al-Malayuwiyyin: Dirasah tahliliyyah. *Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Islam UKM*.
- Nadhirah Aznan. 2014. Persepsi mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap amalan pengurusan masa. *E-Proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, hlm. 353-364.
- Rofishah Rashid. 2015. Kepimpinan pembelajaran sepanjang hayat di masjid. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, hlm. 463-470.
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md. Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md. Nor, Kamariah Abu Bakar & Habsah Ismail. 2008. Kemahiran pengurusan masa pelajar universiti tempatan: Status dan hubungannya dengan pencapaian. *Jurnal Teknologi* 49(E): 49-64.
- Yasmin Huzaimah Aladdin & Anuar Ahmad. 2017. Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. *Prosiding Seminar International Conference on Global Education V: Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity*, hlm. 2373-2387.